

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ETIKA PERNIAGAAN

oleh

Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi

Presiden

Persatuan Ekonomi dan Pengurusan Islam Malaysia

(IEMAM)

Masalah etika telah melanda masyarakat hampir di sepanjang zaman dalam hampir setiap aspek hidup, termasuklah perniagaan. Yang sering berlaku di kalangan peniaga terutama mereka yang mengendalikan projek ialah sungutan bahawa mereka terpaksa memberi sogokan kepada orang-orang tertentu jika mereka hendak mendapatkan sesuatu projek. Sungutan juga kita dengar bahawa projek yang dilaksanakan tidak siap mengikut jadual, spesifikasi, dan lain-lain.

Kita juga sering ditipu apabila membeli barang, seperti buah durian, cempedak, tembikai, dan lain-lain. Kerap kali kita dapati barang itu tidak seelok yang kita harapkan, walaupun semasa kita membeli, kita diberi berbagai jaminan yang sangat meyakinkan.

Masalah tipu dacing masih lagi berlaku di tempat-tempat yang tertentu. Tetapi masalah pecah amanah yang melibatkan wang berjuta-juta ringgit dengan cara yang semakin canggih, agak menjadi lumrah di seluruh dunia.

Perkara-perkara seperti di atas, dan banyak lagi, sentiasa berlaku kerana kerap kali, ia dilakukan dengan cara yang begitu halus dan berperancangan sehingga sukar dikesan atau dibawa ke mahkamah. Justeru itu, walaupun hukuman berat boleh dijatuhkan, penjenayah kolar putih masih berleluasa. Baru-baru ini kita membaca bahawa budibicara hakim akan dikurangkan jika mereka keberatan menjatuhkan hukuman yang berat tetapi setimpal dengan jenayah yang telah dilakukan.

Islam menentukan supaya setiap orang yang hendak melakukan sesuatu harus mengetahui apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dilakukan, sebelum mereka menceburkan diri dalam hal itu. Misalnya, mengikut Imam Al-Ghazali, mereka yang hendak berniaga harus mengetahui etika perniagaan terlebih dahulu sebelum menceburkan diri dalam perniagaan.

Etika perniagaan dalam Islam merangkumi tiga aspek penting. **Pertama** ialah barang yang diniagakan. Pada prinsipnya, barang yang hendak diniagakan haruslah yang halal dan yang mendatangkan manfaat kepada manusia. Barang yang haram dimakan atau dipakai, termasuk barang curi, najis, bangkai, babi, arak, alat-alat untuk berjudi, dan sebagainya dilarang untuk dijual beli. Pengharaman ini tentulah dihadkan kepada orang Islam sahaja. Orang-orang bukan Islam boleh berjual-beli barang yang tidak dilarang oleh agama mereka, termasuk arak, babi, dan sebagainya. Ini berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku kepada Sayyidina Umar al-Khattab, ketika beliau menjadi Khalifah Islam yang kedua. Seorang yang beragama Nasrani (Kristian)

ingin membayar jiziyah (cukai kepala) dalam bentuk arak. Sayyidina Umar menyuruh beliau menjual arak itu dan memberinya wang dari hasil jualan tadi. Ini menunjukkan bahawa orang bukan Islam boleh berniaga arak, walaupun dalam negara Islam.

Dari segi najis, ada ulama yang melarangnya sama sekali. Tetapi ada juga ulama yang mengatakan bahawa najis yang ada manfaat kepada manusia (seperti tahi untuk dijadikan baja) boleh dijual beli. Sutera dan emas juga boleh dijual beli kerana Islam melarang lelaki sahaja menggunakannya, sedangkan perempuan boleh memakainya. Rasulullah (s.a.w.) pernah menerima suatu pakaian dari sutera sebagai hadiah. Baginda telah memberikan pakaian itu kepada Sayyidina Umar. Sayyidina Umar bertanya mengapa Baginda memberikan pakaian itu kepadanya sedangkan ia tidak boleh memakainya. Rasulullah (s.a.w.) menjawab bahawa, Baginda memberikan pakaian itu kepadanya bukan untuk beliau memakainya tetapi untuk beliau menghadihkannya kepada sesiapa yang boleh memakainya, seperti isterinya.

Kedua, Islam melarang kita berjual-beli dengan empat kategori manusia iaitu, kanak-kanak keculi yang sudah boleh memahami apa yang dilakukannya dan diizinkan oleh penjaganya, hamba keculi diizinkan oleh tuannya, orang buta keculi yang diiringi oleh wakilnya dan orang gila. Larangan ini dikenakan semata-mata untuk menentukan supaya jual-beli itu tidak disertai dengan kezaliman. Ia juga menunjukkan bahawa orang Islam boleh berniaga dengan semua orang lain, termasuk orang bukan Islam.

Ketiga, Islam melarang kita dari menceburkan diri dalam riba, gharar, ihtikar, dan sebarang penipuan. Riba adalah haram dan termasuk dalam salah satu dari tujuh dosa besar. Ada di kalangan orang Islam yang masih mempersoalkan tentang *interest* bank yang diamalkan pada hari ini. Ringkasnya, *interest* bank hari ini adalah riba berdasarkan kepada ayat 279 di dalam Surah al-Bawarah (2), yang bermaksud: "... jika kamu bertaubat, maka bagimu adalah kepala harta kamu..." Ayat ini juga merupakan ayat yang terakhir diturunkan mengenai riba. Agak jelas bahawa sebarang lebihan daripada kepala harta (iaitu modal) yang telah dipinjamkan adalah riba, maka tentulah haram. Lebihan bayaran dari harta yang dipinjamkan sudah tentulah tidak termasuk lebihan dari modal (barang) yang dijual-beli yang dikira sebagai keuntungan dan dihalalkan.

Gharar merupakan sesuatu yang tidak tentu, tidak jelas, tidak pasti. Misalnya, membeli (memajak) buah di pokok ketika ia masih dalam bentuk bunga atau putik. Ini dianggap gharar kerana kita tidak boleh pasti berapa bijikah yang akan didapati semasa kita memetikinya kelak. Salah satu pihak sudah pasti akan rugi dalam hal ini. Jika buah itu menjadi, tuan punya akan rugi. Jika buah itu tidak menjadi, pembeli pula akan rugi. Oleh yang demikian ia diharamkan untuk mengelakkan dari sebarang kezaliman yang boleh berlaku. Gharar adalah *illah* atau sebab asasi bagi judi yang sememang diharamkan oleh Islam. Maka, sesuatu yang mempunyai unsur gharar itu dianggap judi.

Ihtikar ialah menyorok barang keperluan supaya harganya naik dengan tujuan mengaut keuntungan yang banyak sedangkan orang itu mempunyai kuasa monopoli. Ini juga diharamkan untuk mengelakkan dari sebarang kezaliman. Maka ihtikar dikatakan berlaku jika:

* orang itu menyorok sesuatu

* barang yang disorok itu adalah keperluan asas seperti gula, beras,

garam, dan mungkin sekarang ini minyak, gas, dan lain-lain.

* orang itu mempunyai kuasa monopoli atas barang tadi.

Melakukan penipuan dalam apa bentuk sekali pun adalah haram. Misalnya, penjual harus menceritakan kecacatan sesuatu barang yang hendak dijualnya. Menurut sebuah hadith Rasulullah (s.a.w.) ketika Baginda melalui suatu pasar dan mendapati setimbun gandum yang hendak dijual oleh seorang penjual. Baginda mencucuk jarinya ke dalam gandum tadi dan mendapati bahawa gandum di sebelah bawah adalah basah. Maka Rasulullah (s.a.w.) telah menegur penjual tadi dan mengatakan bahawa orang yang tidak mendedahkan kecacatan barang jualannya adalah menipu dan orang itu tidak termasuk dalam golongannya.

Penipuan termasuk memungkir janji, berbohong, dan sebagainya. Amalan *al-najsy* atau menggunakan orang lain sebagai kaki untuk menaikkan harga barang yang dijual pada hal ia tidak langsung berniat membelinya adalah merupakan satu bentuk penipuan. Amalan ini adalah haram, berdasarkan kepada hadith Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud bahawa amalan itu (*al-najsy*) akan membawa orang yang melakukannya ke neraka dan barangsiapa yang melakukan suatu amalan yang berlainan daripada sunnah Baginda, amalan itu tidak diterima (Bukhari). Ini adalah kerana harga sesuatu barang itu harus merupakan hasil mutlak antara daya permintaan dan penawaran dan bukan oleh perkara lain. Ini juga sebabnya mengapa tawar menawar harus dilakukan dengan persetujuan bersama (*redha meredhai*) dan dimaterikan dengan *ijab dan qabul*. *Ijab dan qabul* pula tidak semestinya dalam bentuk ucapan yang jelas. Ia memadai dengan isyarat atau kelakuan yang menunjukkan persetujuan kedua belah pihak. *Wallahu a'lam*.

dewanek4